



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

08 Januari 2016 / 27 Rabiulawal 1437

Nilai Kemaafan Dari Kacamata Islam

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَبِيرِ الْحَكِيمِ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ
الْقَوِيُّ الْمَتِينُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَادِقُ
الْوَعْدِ الْأَمِينِ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ اتَّبَعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ ، فَقَدْ
فَازَ مَنْ اتَّقَى وَخَابَ مَنْ عَصَى .

Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-'Aa'raf, ayat 199 dan 200:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾
وَإِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْعٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ إِنَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾

Yang bermaksud: *Berilah kemaafan dan perintahkanlah untuk mengerjakan yang ma'ruf, serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil. Dan jika kamu ditimpa sesuatu godaan syaitan maka berlindunglah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

FirmanNya lagi di dalam Surah Al-Syura ayat 37:

وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ
يَغْفِرُونَ ﴿٣٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan (bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan keji, dan apabila mereka marah mereka memberi maaf.”*

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Bertakwalah kita kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Hidupkanlah nilai-nilai murni yang diajarkan Allah s.w.t. dan ditunjukkan oleh RasulNya s.a.w. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan rahmat dan pengampunanNya kepada kita semua.

Saudaraku,

Cuba kita merenungkan hakikat kehidupan ini dan bertanya seketika; adakah kehidupan kita sunyi dari kesilapan? Adakah terdapat manusia, tentunya selain daripada para Anbiya' utusan Allah yang dipeliharaNya, yang tidak pernah melakukan kesalahan dan dosa? Saya yakin, jawapannya adalah tidak. Sebagai manusia yang mempunyai naluri dan perasaan seperti rasa takut, marah, benci, iri hati, dan sebagainya, kita kadangkala membuat kesilapan, sama ada dalam tutur-kata mahupun tindak-tanduk. Kesalahan kita pula biasanya menjejaskan

orang lain. Ia boleh sahaja menyakiti dan mengguris perasaan mereka.

Kesilapan membuktikan bahawa kita merupakan insan yang jauh dari bersifat sempurna. Namun demikian, adakah Allah s.w.t. inginkan agar kita terus berada dalam keadaan sedemikian? Adakah kita dibiarkan untuk terus tenggelam di dalam sifat serba kekurangan hasil dari kesilapan dan dosa?

Sebaliknya, Allah s.w.t. ingin agar kekosongan pada diri manusia dipenuhi, dan kekurangan yang ada padanya kerana kesilapannya digantikan dengan kebaikan. Begitu juga, rasa benci dan permusuhan yang timbul dari kesilapan dan kesalahan dihilangkan dengan selama-lamanya. Namun, apakah caranya?

Kita boleh mendapat panduan dengan meneliti sifat-sifat Allah s.w.t. dan nama-namaNya yang Mulia. Di antaranya adalah seperti yang sering disebutkan di dalam Al-Quran, Allah s.w.t., merupakan Tuhan yang "*al-Ghafūr al-Rahīm*", yang bererti, Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Gandingan sifat ini disebutkan lebih daripada 70 kali di dalam Al-Quran.

Saudaraku,

Jalan keluar dari kekurangan yang ada pada diri manusia adalah nilai kemaafan dan pengampunan. Ia merupakan satu ciri yang sangat mulia. Sifat ini berasal dari Allah s.w.t. dan

diajarkan dan dicontohkan olehNya di dalam Al-Quran. Dialah Tuhan yang paling bersifat murah hati untuk memberi kemaafan kepada ciptaan-Nya.

Bagi umat Islam, kemaafan bukan merupakan satu nilai yang asing. Kita juga sering meminta maaf, terutama pada musimnya. Namun, ia merupakan nilai yang sangat penting dalam kehidupan. Ia bukan nilai musiman. Cuba perhatikan, saudara sekalian.

Memberi kemaafan merupakan suatu amalan yang positif, setelah berlakunya sesuatu yang negatif. Oleh itu, ia adalah nilai yang sangat mendalam kesannya, kerana ia menghapuskan segala perbuatan yang negatif. Ia membolehkan kita untuk memulakan hidup baru setelah kesilapan lampau. Ia dapat meningkatkan keyakinan, dan menukar sikap, dari yang negatif kepada yang positif.

Perhatikanlah diri anda, ketika ada memaafkan orang, apakah yang sebenarnya berlaku? Pertama, adakah mudah memilih untuk memaafkan seseorang yang menyakitkan ataupun menganiaya kita? Apabila kita memilih jalan kemaafan, kita sebenarnya telah berjaya mengawal, bahkan mengatasi emosi. Kita telah berjaya, seperti mana kita melaksanakan amal ibadah yang melatih kita untuk mengawal nafsu dan keinginan.

Kemaafan tidak berarti kelemahan. Malah, memberi kemaafan mencerminkan kekuatan. Kerana apabila anda memaafkan, anda berjaya untuk mengawal perasaan dan hasrat insan yang paling sukar untuk diatasi. Ia dijelaskan dalam Al-Quran, surah Al-Syura ayat 43:

وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَلِكَ لَمِنَ عِزِّ الْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

Yang bermaksud: *“Tetapi orang yang bersabar dan memaafkan, sesungguhnya (perbuatan) yang demikian itu adalah perkara yang sangat diberatkan.”*

Saudaraku,

Renungkanlah bagaimana Al-Quran membincangkan tentang pengampunan dan kemaafan sesama insan. Firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Taghabun ayat 14:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنِّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا
لَكُمْ فَأَحْذَرُوهُمْ وَإِن تَعَفَوْا وَتَصَفَحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ
اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud *"Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya sebahagian di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu merupakan musuh bagi kamu (iaitu beberapa tuntutan mereka mungkin bercanggah dengan tuntutan agama), maka waspadalah terhadap mereka. Tetapi jika anda memaafkan, serta melepas pandang, dan menutup (dosa-dosa mereka), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. "*

Di dalam ayat ini, tiga konsep digunakan untuk menggambarkan kemaafan:

Yang pertama: *“ta’fū”* yang bermaksud melupakan dan menghilangkan kesalahan orang lain dari pemikiran kita; yang kedua: *“tasfahū”* bermaksud memalingkan diri dan melupakan kesilapan orang; yang ketiga: *“taghfirū”* yang bermaksud untuk menutup kesalahan orang lain.

Marilah kita berusaha untuk mencontohi peribadi dan akhlak mulia Nabi Muhammad s.a.w., terutama sifat maaf Baginda. Di antara sifat mulia Baginda seperti yang diriwayatkan dalam kitab sirah yang pelbagai:

كَانَ يَغْفُو عَمَّنْ ظَلَمَهُ

Yang bermaksud: Baginda sering memaafkan orang yang menyakiti dan menzaliminya. Baginda s.a.w. juga hanya memilih jalan kemaafan, bukan membalas dendam.

Saudaraku,

Marilah kita berusaha untuk menghargai kepentingan nilai kemaafan. Marilah kita menyemai sifat tersebut dalam kehidupan. Mulakanlah hari ini. Mulakan sekarang ini. Fikirkan seseorang yang pernah membuat kesilapan terhadap diri kita, seseorang yang masih kita belum dapat maafkan lagi, mungkin kerana perkataan yang pernah dilontarkan, ataupun disebabkan perbuatan yang pernah mereka lakukan, terhadap

diri kita mahupun insan yang kita sayangi. Sekarang ini, mari kita cuba memilih jalan kemaafan. Cubalah untuk memaafkan mereka. Semoga dengan pilihan ini, Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita rahmat dan pengampunanNya insyallah, Amin Ya Rabal 'Alamin.

InshaAllah, Pada khutbah yang akan datang, kita akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai nilai kemaafan, khusus yang berkaitan dengan pengampunan Tuhan dan bagaimana Allah s.w.t. menunjukkan rahmat dan kasih sayangNya kepada kita melalui sifatNya Yang Maha Pengampun.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.